



جامعة سراج بكاون للتربية الدينية

**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menawarkan program-program sepenuh masa untuk Biasiswa Kerajaan Brunei Darussalam (BDGS) bagi sesi Akademik 2023/2024:

PROGRAM PRA SISWAZAH KUPU SB

a) Diploma Tertinggi

- (501) Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Islam)
- (502) Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab)

b) Sarjana Muda

- (601) Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam) dengan Minor
- (602) Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab)

PROGRAM SISWAZAH KUPU SB

a) Sarjana

- (701) Sarjana Perguruan Ugama (Usuluddin)
- (702) Sarjana Perguruan Ugama (Syariah)
- (703) Sarjana Perguruan Ugama (Pendidikan Islam)
- (704) Sarjana Perguruan Ugama (Sejarah dan Tamadun Islam)
- (705) Sarjana Perguruan Ugama (Bahasa Arab)
- (706) Sarjana Perguruan Ugama (Kajian Ahli Sunnah Waljamaah)
- (707) Sarjana Perguruan Ugama (Sastera Islam)

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

DIPLOMA TERTINGGI

1. SYARAT KEMASUKAN

- i. Memperolehi salah satu kelulusan berikut:
 - a) Diploma Perguruan Agama dari KUPU SB atau yang sebanding dengannya.
 - b) SPUB: Pemegang Sijil Pelajaran Agama Brunei (SPUB) boleh dipertimbangkan tertakluk kepada penilaian Jawatankuasa Kemasukan dan pengesahan Senat KUPU SB.
 - c) A Level: Lulus sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran sama ada Usuluddin atau Syariah dalam Brunei-Cambridge GCE 'A' atau yang sebanding dengannya, dan lulus dalam Peperiksaan Sijil Sekolah Rendah Agama Brunei (SSRU) atau mana-mana sijil yang sebanding dengannya.
- ii. Calon dikehendaki:
 - a) Boleh membaca al-Qur'an dengan baik.
 - b) Boleh membaca dan menulis jawi dengan baik.
 - c) Lulus dalam ujian kelayakan dan kesihatan.

2. TEMPOH PENGAJIAN

- **Sepenuh masa:** 3 tahun (6 semester).
- Senat boleh mempertimbangkan tempoh minimum dan maksimum pengajian mengikut kesesuaian.

3. BAHASA PENGANTAR

- Bahasa pengantar adalah dalam Bahasa Melayu. Sementara Bahasa Arab akan digunakan bagi kursus Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris bagi kursus Bahasa Inggeris.
- Bagi Program Diploma Tertinggi Perguruan Agama (Pendidikan Bahasa Arab), bahasa pengantar bagi kursus-kursus pengajian Islam adalah dalam Bahasa Arab.

SARJANA MUDA

1. SYARAT KEMASUKAN

- i. Memperolehi salah satu kelulusan berikut:
 - a) Diploma Tertinggi Perguruan Ugama dari KUPU SB atau yang sebanding dengannya.
 - b) Diploma 'Aliyah Qiraat dari ITQSHHB atau yang sebanding dengannya.
 - c) STPUB: Lulus dalam Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) atau yang sebanding dengannya.
 - d) A Level: Lulus sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran dengan memperolehi sekurang-kurangnya pangkat 'C' termasuk salah satu daripadanya Usuluddin atau Syariah dalam Brunei-Cambridge GCE peringkat 'A' atau yang sebanding dengannya dan lulus dalam Peperiksaan Sijil Sekolah Rendah Ugama Brunei (SSRU) atau mana-mana sijil yang sebanding dengannya.
- ii. Calon dikehendaki:
 - a) Boleh membaca al-Qur'an dengan baik.
 - b) Boleh membaca dan menulis jawi dengan baik.
 - c) Lulus dalam ujian kelayakan dan kesihatan.

2. TEMPOH PENGAJIAN

Sepenuh masa: 4 tahun (8 semester).

Senat boleh mempertimbangkan tempoh minimum dan maksimum pengajian mengikut kesesuaian.

3. BAHASA PENGANTAR

Bahasa pengantar adalah dalam Bahasa Melayu. Sementara Bahasa Arab akan digunakan bagi kursus Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris bagi kursus Bahasa Inggeris.

Bagi Program Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab), bahasa pengantar adalah dalam Bahasa Arab.

4. MAKLUMAT/SYARAT TAMBAHAN

- i. Bagi Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab), pemohon adalah dikehendaki mendapat sekurang-kurangnya pangkat JAYYID dalam Lughah Arabiyyah dan Qawaid Arabiyyah atau yang sebanding dengannya.

- ii. Bidang Minor yang ditawarkan dalam program Sarjana Muda Perguruan Agama (Pendidikan Islam) dengan Minor ialah seperti berikut:
- Pengajian al-Quran Dan al-Sunnah
 - Dakwah Dan Kepimpinan
 - Falsafah Dan Pemikiran Islam
 - Dakwah dan Isu Kontemporari
 - Usul Fiqh
 - Fiqh Ahwal Syakhsiyah
 - Kewangan Islam
 - Aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah
 - Fiqh Ahli Sunnah Waljama'ah
 - Akhlak dan Tasawuf Ahli Sunnah Waljama'ah
 - Pendidikan Keluarga Islam
 - Pendidikan Melayu Islam Beraja
 - Pendidikan Kesenian Islam
 - Bimbingan Dan Kaunseling
 - Pendidikan Awal Kanak-kanak
 - Keusahawanan Dalam Pendidikan Islam
 - Pendidikan Kesihatan dalam Islam
 - Pendidikan Khas
 - Pendidikan Bahasa Melayu dan Sastera Islam
 - Inovasi dan Teknologi Pendidikan Islam

Pemilihan kursus Minor adalah tertakluk kepada penawaran dari semasa ke semasa.

SARJANA

1. SYARAT KEMASUKAN

- i. Memperolehi salah satu kelulusan berikut:
 - a) Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama dari KUPU SB dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK (CGPA) 3.00.
 - b) Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat Jekyllid atau yang sebanding dengannya dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB.
- ii. Lulus dalam ujian kelayakan dan kesihatan.

2. TEMPOH PENGAJIAN

- **Sepenuh Masa:** Minimum satu setengah (1 1/2) tahun atau tiga (3) semester biasa dan maksimum dua (2) tahun atau empat (4) semester biasa.
- Tempoh yang ditetapkan Senat bagi keadaan dan syarat tertentu.

3. BAHASA PENGANTAR

Bahasa pengantar kursus-kursus dalam program ini adalah Bahasa Melayu dan Bahasa Arab bagi Program dalam bidang Bahasa Arab. Dalam penyiapan projek, disertasi atau tesis, calon (selain bidang Bahasa Arab) boleh memilih sama ada Bahasa Melayu, Bahasa Arab atau Bahasa Inggeris dalam penulisan.

4. MOD PENGAJIAN

4.1. Mod A: Tesis sahaja

Memperolehi ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama dari KUPU SB dengan PNGK 3.50 dan ke atas atau yang sebanding dengannya sahaja; ATAU; Lulusan Sarjana Muda dan memiliki Diploma Perguruan Ugama Lulusan Ijazah dari KUPU SB.

Bagi **bidang Bahasa Arab**, pemohon hendaklah mempunyai ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab) dari KUPU SB dengan PNGK 3.50 dan ke atas atau yang sebanding; ATAU; Lulusan Sarjana Muda Pengajian Islam/Bahasa Arab dan memiliki Diploma Perguruan Ugama Lulusan Ijazah dari KUPU SB.

4.2. Mod B: Kerja Kursus dan Disertasi:

- B1-** Lulusan Sarjana Muda Perguruan Ugama dari KUPU SB dengan PNGK 3.00 dan ke atas atau yang sebanding dengannya;
- B2-** Lulusan Sarjana Muda Pengajian Islam atau Bahasa Arab dengan PNGK 3.00 atau Jekyllid dan ke atas atau yang sebanding dengannya;
- B3-** Lulusan Sarjana Muda Pendidikan; dengan PNGK 3.00 atau Jekyllid dan ke atas atau sebanding dengannya. (bagi bidang Bahasa Arab, calon hendaklah mempunyai latar belakang/kemahiran bahasa Arab).

**PERMOHONAN KEMASUKAN DALAM TALIAN
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**

- Selain borang permohonan Biasiswa Kerajaan Brunei Darussalam (*hard copy*), calon yang memohon ke KUPU SB juga dikehendaki melengkapkan Permohonan Kemasukan Dalam Talian KUPU SB di pautan yang boleh diperolehi dalam laman sesawang www.kupu-sb.edu.bn. Calon juga dikehendaki memuat naik salinan dokumen akademik yang berkaitan ke dalam permohonan dalam talian.

Bagi permohonan ke Program Sarjana, calon dikehendaki juga untuk memuat naik kertas Cadangan Kajian (*Research Proposal*) masing-masing yang bersesuaian dengan bidang yang dipohonkan.

- Kegagalan menghantar permohonan dalam talian berserta dokumen yang lengkap, TIDAK akan dipertimbangkan dan dibatalkan oleh KUPU SB serta tidak akan diproses.
- Untuk khidmat bantuan dengan Permohonan Kemasukan Dalam Talian KUPU SB atau pertanyaan lanjut mengenai program yang ditawarkan, sila layari laman sesawang www.kupu-sb.edu.bn atau menghubungi melalui e-mel berikut:
 - hea@kupu-sb.edu.bn, (Sila nyatakan BDGS2023 dalam tajuk e-mel)

-TAMAT-